



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR - SUSULAN DARIPADA LAWATAN
KE MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR SUSULAN DARIPADA LAWATAN KE MAJLIS
BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)**

MUKADIMAH

1. Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT), Dewan Negeri Selangor bagi membentangkan laporan hasil daripada Lawatan Ahli- Ahli JP-PBT ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) serta maklumbalas yang diterima daripada bekas Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Penyelidikan, Y.B. Dato' Teng Chang Khim menerusi satu pendengaran tertutup.
2. JP-PBT pada 21 Mac 2014 telah mengadakan satu lawatan ke MBPJ di mana lawatan ini merupakan salah satu daripada rangka kerja JP-PBT bagi melihat sendiri perkembangan dan perjalanan pentadbiran PBT-PBT di Selangor. JP-PBT juga ingin mengetahui pencapaian dan permasalahan yang di hadapi PBT-PBT di Selangor. Lawatan ini adalah lawatan kedua yang telah dilakukan oleh JP-PBT selepas Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) tahun lalu.
3. Lawatan ini telah dihadiri oleh Ahli-Ahli JP-PBT yang berikut:

3.1.	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (ADN Kawasan Seri Setia)	Pengerusi
3.2.	Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (ADN Kawasan Ijok)	Ahli
3.3.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
3.4.	Y.B. Tuan Mohd. Khairuddin bin Othman (ADN Kawasan Paya Jaras)	Ahli
3.5.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong)	Ahli
4. Lawatan ini diadakan bagi mendengar taklimat daripada MBPJ berhubung pencapaian dan permasalahan yang dihadapi oleh MBPJ serta memberi peluang kepada para pegawai serta Ahli Majlis untuk mengutarakan sebarang cadangan atau pandangan. Bahagian pertama adalah mesyuarat bersama Ahli-Ahli Majlis MBPJ manakala bahagian kedua adalah mesyuarat bersama Datuk Bandar, Pengarah-Pengarah Jabatan serta para pegawai MBPJ.
5. Setelah mengenal pasti permasalahan serta isu-isu yang dihadapi oleh pihak MBPJ, JP-PBT telah memanggil bekas Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Penyelidikan, Y.B. Dato' Teng Chang Khim untuk mendapatkan maklumbalas daripada pihak kerajaan berkenaan isu-isu yang dibangkitkan supaya satu saranan yang

lebih holistik dan adil dapat dirumuskan oleh JP-PBT. Pendengaran tertutup tersebut telah dijalankan pada 4 Julai 2014.

6. Ahli-Ahli JP-PBT yang hadir pada sesi pendengaran tertutup tersebut adalah seperti berikut:

6.1.	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (ADN Kawasan Seri Setia)	Pengerusi
6.2.	Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (ADN Kawasan Ijok)	Ahli
6.3.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
6.4.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (ADN Kawasan Lembah Jaya)	Ahli
6.5.	Y.B. Tuan Hj.Hasnul bin Hj.Baharuddin (ADN Kawasan Morib)	Ahli
6.6.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong)	Ahli
6.7.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (ADN Kawasan Kota Damansara)	Ahli

7. Hasil daripada lawatan tersebut, JP-PBT telah mengambil maklum beberapa isu yang diutarakan oleh Ahli-Ahli Majlis dan juga pihak pengurusan tertinggi MBPJ.

PENUKARAN AHLI JAWATANKUASA

8. Laporan Jawatankuasa ini adalah dibuat dan disahkan oleh Ahli Jawatankuasa sepertimana pada 21 Oktober 2014 setelah tiga orang Ahli Jawatankuasa meletakkan jawatan:

- 8.1. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad yang meletakkan jawatan pada 26hb September 2014 setelah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 26 September 2014.
- 8.2. Y.B. Tuan Mohd. Khairuddin bin Othman yang meletakkan jawatan pada 28 Mei 2014 setelah dilantik sebagai pembantu ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada

9. Ahli Jawatankuasa sebagaimana 21 Oktober 2014:

- | | | |
|------|-------------------------------|--------------------|
| 9.1. | Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad | Pemangku Pengerusi |
|------|-------------------------------|--------------------|

(ADN Kawasan Ijok)

- | | | |
|-------------|---|------|
| 9.2. | Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
| 9.3. | Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz
(ADN Kawasan Lembah Jaya) | Ahli |
| 9.4. | Y.B. Tuan Hj.Hasnul bin Hj.Baharuddin
(ADN Kawasan Morib) | Ahli |
| 9.5. | Y.B. Tuan Ng Tien Chee
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| 9.6. | Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan
(ADN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |
- 10.** Pada masa Lawatan bertarih 21 Mac 2014 sedang berlangsung, komposisi Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:
- | | | |
|--------------|---|-----------|
| 10.1. | Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADN Kawasan Seri Setia) | Pengerusi |
| 10.2. | Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad
(ADN Kawasan Ijok) | Ahli |
| 10.3. | Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
| 10.4. | Y.B. Tuan Mohd. Khairuddin bin Othman
(ADN Kawasan Paya Jaras) | Ahli |
| 10.5. | Y.B. Tuan Ng Tien Chee
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| 10.6. | Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan
(ADN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |
- 11.** Pada masa pendengaran tertutup bertarih 4 Julai 2014 sedang berlangsung, komposisi Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:
- | | | |
|--------------|---|-----------|
| 11.1. | Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADN Kawasan Seri Setia) | Pengerusi |
| 11.2. | Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad
(ADN Kawasan Ijok) | Ahli |

11.3. Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
11.4. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (ADN Kawasan Lembah Jaya)	Ahli
11.5. Y.B. Tuan Hj.Hasnul bin Hj.Baharuddin (ADN Kawasan Morib)	Ahli
11.6. Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong)	Ahli
11.7. Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (ADN Kawasan Kota Damansara)	Ahli

ISU BERKAITAN HUBUNGAN DI ANTARA PENGURUSAN TERTINGGI DAN AHLI MAJLIS DAN JUGA DI ANTARA JABATAN

Fakta dan Penemuan

- 12.** Beberapa orang Ahli Majlis telah membangkitkan isu berkenaan hubungan di antara pengurusan tertinggi dan Ahli Majlis terutama di mana masalah komunikasi sering timbul di antara mereka. Tuan Teh Chi Chang telah memberitahu JP-PBT bahawa kebanyakan isu-isu berkaitan polisi atau arahan yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri tidak disampaikan secara rasmi kepada Ahli-Ahli Majlis.
- 13.** Tuan Ir. Lee Suet Sen pula memberitahu kadang kala, perkara-perkara yang hendak dibawa ke Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) tidak dimaklumkan kepada Ahli-Ahli Majlis dan hal ini menyebabkan kebanyakan keputusan Kerajaan Negeri hasil daripada perkara-perkara yang dibawa dan dibincangkan di MTES tidak sampai ke pengetahuan mereka.
- 14.** JP-PBT juga difahamkan oleh Tuan Ir. Lee bahawa interaksi di antara mereka dan jabatan-jabatan di dalam MBPJ berada di dalam keadaan yang tidak memuaskan dan jabatan-jabatan ini didakwa membuat kerja mereka sendiri. Ini mengakibatkan kekeliruan di kalangan Ahli-Ahli Majlis terhadap siapa yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu.
- 15.** Sebagai contoh, pihak pengurusan MBPJ telah menjalankan projek perintis di sesebuah kawasan tanpa memaklumkan pihak Ahli Majlis di zon tersebut telah menyebabkan pihak Ahli Majlis disoal oleh penduduk kawasan.
- 16.** Namun demikian, Datuk Bandar menjelaskan bahawa Ahli Majlis tidak diberitahu akan perkara ini terdahulu kerana bimbang projek perintis lewat dilancarkan atau tidak dijalankan terus jika terdapat persoalan-persoalan atau tentangan daripada Ahli Majlis.

Tambahan lagi, Datuk Bandar mengatakan bahawa MBPJ akan menjalankan projek perintis terdahulu dan jika ia berjaya, maka ia akan dijadikan polisi baru.

17. Tuan Azizi Bin Arifin memaklumkan JP-PBT bahawa terdapat juga masalah komunikasi di antara jabatan-jabatan di dalam MBPJ yang menyukarkan Ahli-Ahli Majlis untuk mendapatkan sesuatu info atau melakukan kerja-kerja mereka. Hal ini ditambah pula dengan sikap suka menunding jari di antara jabatan seperti mana yang dimaklumkan oleh Tuan Azri bin Mohamad Arish.
18. Di dalam sesi pendengaran tertutup bersama Y.B. Dato' Teng Chang Khim, beliau mengaku bahawa kelemahan ini memang ada dan perlu kedua-dua pihak perlu memperbaiki keadaan ini dengan melihat perkara secara positif dan bekerja sebagai satu pasukan.

Saranan Jawatankuasa

19. Jawatankuasa menyarankan supaya apa-apa arahan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada Datuk Bandar atau Yang Dipertua PBT perlu disampaikan dan dimaklumkan secara rasmi kepada semua Ahli Majlis selaras dengan peruntukan undang-undang melalui Seksyen 9 dibaca bersama Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
20. Hal yang sama perlu diamalkan oleh mana-mana pegawai PBT di mana segala kertas kerja atau cadangan yang hendak dibawa ke Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC), Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) atau Kerajaan Negeri menggunakan nama Majlis perlu mendapatkan kelulusan Ahli Majlis sesuai dengan peruntukan undang-undang yang dinyatakan di dalam perenggan 14 di atas.

ISU BERKAITAN PENTADBIRAN DAN PRESTASI PENGURUSAN TERTINGGI, PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN MBPJ

Fakta dan Penemuan

21. Tuan Ir. Lee memaklumkan JP-PBT bahawa prestasi pengurusan tertinggi adalah memuaskan. Namun demikian, JP-PBT difahamkan bahawa Ahli-Ahli Majlis tidak diberikan peluang untuk mengutarakan pendapat mereka mengenai prestasi pengurusan tertinggi. JP-PBT juga ada menerima beberapa aduan mengenai hal ini. Antaranya ada Ahli Majlis mendakwa sesetengah pegawai atasan MBPJ telah berkhidmat terlalu lama dan mereka khuatir ia akan menimbulkan konflik kepentingan.
22. Tuan Azizi juga memberitahu JP-PBT bahawa pihak pengurusan tertinggi tidak mengambil endah/ tiada tindakan susulan yang di ambil daripada saranan/siasatan/cadangan yang dikemukakan. Sebagai contoh, seperti mana yang ditunjukkan oleh Tuan Ir. Lee, adalah saranan-saranan yang dikemukakan di dalam laporan audit yang telah disediakan oleh Jabatan Audit Dalaman MBPJ.

23. JP-PBT juga difahamkan oleh Tuan Azri bin Mohamad Arish bahawa antara masalah yang dihadapi MBPJ, hasil daripada pemerhatian beliau adalah kekurangan pegawai untuk melaksanakan satu-satu masalah atau tugas. Beliau juga mendakwa masa yang agak lama di ambil oleh para kakitangan MBPJ untuk menyelesaikan masalah atau tugas tersebut.
24. Berkenaan dengan isu ini, di pihak Kerajaan Negeri, Y.B. Dato' Teng menyatakan bahawa saranan-saranan yang dibuat oleh pegawai/Ahli Majlis tidak begitu jelas dan isu-isu tidak dirumus dengan tepat. Kerajaan Negeri juga telah mendapati Laporan Audit dalaman yang dilakukan di antara mereka tidak begitu berkesan kerana mereka bekerja bersama dan sudah mengenali satu sama lain.
25. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan Negeri sudah memberi kebenaran kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) supaya mengarahkan satu '*cross audit*' yakni audit oleh PBT/agensi yang lain. Dua audit seperti ini telah dijalankan di MPAJ dan juga MPKj dimana keputusannya kelak akan menjadi satu '*precedent*' bagi PBT-PBT yang lain.

Saranan Jawatankuasa

26. Kerajaan Negeri perlu memastikan tindakan diambil terhadap semua audit yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus dalaman PBT-PBT di Negeri Selangor.

ISU BERKAITAN TENDER

Fakta dan Penemuan

27. Tuan Mahharul bin Ismail memaklumkan JP-PBT bahawa beliau ingin Kerajaan Negeri mengkaji semula status Ahli Majlis di dalam Jawatankuasa Tender kerana buat masa sekarang, mereka hanya hadir sebagai pemerhati. Menurut Tuan Oon Chong Ling, status Ahli Majlis sebagai pemerhati tidak efektif kerana mereka tidak dapat melakukan apa-apa di dalam mempengaruhi keputusan Jawatankuasa Tender.
28. Y.M. Raja Fairuz Binti Raja Mazlan mengambil maklum kehadiran wakil daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM") di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tender untuk mengelakkan salah guna kuasa di kalangan pengurusan MBPJ yang terlibat di dalam Jawatankuasa tersebut. Namun demikian, beliau memohon pertimbangan pihak berwajib supaya memberi peluang kepada Ahli Majlis untuk bersuara di dalam Jawatankuasa tersebut.
29. Jawatankuasa juga dimaklumkan tentang proses tender sedia ada di mana menurut Ahli Majlis, ianya tidak begitu efektif kerana kebanyakan tender dibuat oleh pihak-pihak terlibat adalah kurang daripada anggaran MBPJ. En. Azizi juga memaklumkan JP-PBT bahawa nilai yang ditetapkan kepada kontraktor-kontraktor ini adalah terlalu rendah.

30. Y.M. Raja Fairuz juga mencadangkan supaya langkah-langkah memperkasakan Ahli-Ahli Majlis dan Lembaga Tataterbib dapat difikirkan serta penamatan/lantikan kontrak dibuat oleh Jawatankuasa Tender.

Saranan Jawatankuasa

31. Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan supaya Ahli-Ahli Majlis dapat dimasukkan kembali ke dalam Jawatankuasa Tender.

ISU BERKAITAN NISBAH PLOT (*PLOT RATIO*).

Fakta dan Penemuan

32. Tuan Dr. Streram memaklumkan bahawa kebanyakan Ahli-Ahli Majlis ingin mengetahui bagaimanakah pihak Kerajaan menetapkan plot ratio bagi pembangunan berteraskan pengangkutan awam (transit) atau lebih dikenali sebagai 'transit oriented development' (TOD).
33. Pegawai MBPJ memberi taklimat dan penerangan tentang penentuan dan pengiraan formula *plot ratio*. Mereka juga telah membandingkan formula yang digunapakai dengan formula Kuala Lumpur dan Singapura.
34. Berkenaan cadangan peningkatan *plot ratio* daripada 1:4 kepada 1:6 di kawasan-kawasan yang dicadangkan sebagai kawasan pembangunan TOD, Pegawai MBPJ menjelaskan bahawa terdapat peningkatan baru untuk menggalakkan kegunaan pengangkutan awam. Kiraan Petaling Jaya juga tidak jauh daripada biasa iaitu 1:4 dan juga Rancangan Tempatan memberi garis panduan untuk *plot ratio* 1:6. Oleh itu, *plot ratio* 1:6 adalah biasa mengikut dakwaan pegawai MBPJ namun setelah disoal siasat mereka mengaku tiada kajian yang dibuat untuk menentukan angka tersebut.
35. Namun demikian, pihak MBPJ mengakui tiada kajian yang komprehensif telah dijalankan sebelum keputusan untuk mencadangkan kenaikan *plot ratio* 1:6. Sebaliknya mereka hanya bergantung kepada keputusan pihak berkuasa tempatan di Kuala Lumpur dan Johor Bahru yang telah menaikkan *plot ratio* mereka kepada 1:6 dan lebih.
36. Di pihak Kerajaan Negeri, hanya pembangunan TOD akan diberi kelulusan untuk dinaikkan *plot ratio*; iaitu pembangunan yang terletak dalam lingkungan 400 meter daripada stesen pengangkutan awam, sama ada Sistem Transit Aliran Ringan (LRT), Sistem Transit Aliran Massa (MRT) atau Sistem Bas Aliran Deras (BRT). Y.B. Dato' Teng juga berpendapat supaya satu *plot ratio* siling (1:10) ditetapkan mengikut kesesuaian lokasi dan keadaan sekeliling memandangkan Bandaraya Petaling Jaya merupakan salah satu daripada bandaraya yang amat pesat membangun selepas bandaraya Kuala Lumpur.

Saranan Jawatankuasa

37. Mana-mana perubahan *plot ratio* memerlukan pindaan kepada Rancangan Tempatan, dalam kes ini Rancangan Tempatan Petaling Jaya. Sekiranya Majlis ingin mencadangkan peningkatan *plot ratio*, Majlis perlu membuat satu kajian bagi menganalisa impak peningkatan *plot ratio* dari segi aliran trafik dan perubahan sosial kepada kawasan setempat. Kajian tersebut seterusnya perlu dibentangkan kepada Ahli-Ahli Majlis dan masyarakat setempat supaya ianya dapat dinilai secara profesional.

ISU BERKAITAN PENGURUSAN JMB

Fakta dan Penemuan

38. Jawatankuasa mendapati bahawa rata-rata Ahli Majlis buntu tentang jalan penyelesaian yang boleh diambil bagi mengatasi hal-hal penyelenggaraan rumah-rumah pangsa terutama sekali rumah-rumah pangsa kos rendah (kerosakan lif, dsb.)
39. Pihak Pengurusan MBPJ telah memberi penerangan tentang statistik kawasan pemajuan strata. Selanjutnya, mereka memaklumkan masalah yang dihadapi iaitu pada 2 peringkat:
- (a) Sebelum JMB ditubuhkan:
 - (i) Maklumat yang diterima daripada pemaju tidak lengkap
 - (ii) Wujud pertikaian di antara pemaju dan penduduk
 - (b) Selepas penubuhan JMB:
 - (i) JMB menjadi tidak aktif
 - (ii) JMB menghadapi masalah dari segi kutipan caj yang rendah berbanding kos penyelenggaraan tinggi
 - (iii) Isu penyerahan dan pengambil alihan di antara pemaju dan JMB
 - (c) Bagi kawasan pemajuan mewah (komersial dan pembangunan bercampur) selepas pembentukan JMB, isu-isu berikut timbul:
 - (i) pertikaian harta bersama
 - (ii) kes mahkamah antara JMB dan pemaju/COB
 - (iii) penyerahan dan pengambil alihan
 - (iv) perebutan kuasa dan penyelewengan

(v) skim pembangunan bercampur

40. Selain itu, pihak MBPJ memaklumkan bahawa Akta Penggunaan Strata (Akta 757) telah diwartakan pada 8 Januari 2014 dan akan dikuatkuasa apada September 2014. Akta ini akan mengeneipkan Akta 663.
41. Berkenaan isu kos penyelenggaraan yang tertunggak, pihak MBPJ melaporkan 68 kes tersebut telah di bawa ke mahkamah. Antaranya, 10 kes telah diputuskan di mana penduduk itu dikehendaki membayar kos tertunggak tersebut.
42. Pihak MBPJ mengaku masih terdapat banyak kes-kes berkenaan kos penyelenggaraan tertunggak ini yang masih belum di bawa ke mahkamah.
43. Tuan Teh merasakan bahawa PBT-PBT, Kerajaan Negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu berkerjasama untuk mencari penyelesaian berkenaan isu pengurusan JMB terutama sekali bagi rumah-rumah pangsa kos rendah.
44. Bagi mengurangkan permasalahan ini, JP-PBT dimaklumkan oleh Y.B. Dato' Teng bahawa Kerajaan Negeri akan menubuhkan satu Jabatan COB yang akan diketuai oleh Pengarah bergred 52. Namun demikian, cadangan ini dijangka akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Saranan Jawatankuasa

45. Jawatankuasa menyarankan supaya PBT atau mana-mana agensi kerajaan yang berkaitan seperti Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk mengambilalih urusan penyelenggaraan rumah-rumah kos rendah.
46. Jawatankuasa juga menyarankan MBPJ dapat memperkasakan penguatkuasaan terhadap pemilik-pemilik rumah yang enggan membayar kos penyelenggaraan dan juga meningkatkan bilangan kes yang dibawa ke mahkamah untuk memastikan pemilik membayar kos penyelenggaraan yang tertunggak.

ISU BERKAITAN PENGURUSAN SAMPAH

Fakta dan Penemuan

47. JP-PBT dimaklumkan oleh salah seorang daripada Ahli Majlis bahawa kontraktor hanya datang untuk mengutip 3 kali seminggu di kebanyakan kawasan di MBPJ.
48. Tuan Teh berpendapat harga yang ditender terlalu rendah menjejaskan '*economies of scale*' atau skala ekonomi di mana para kontraktor tidak berani untuk melabur alatan-alatan yang lebih canggih dan efisien.
49. Pihak pengurusan MBPJ kemudiannya menjelaskan bahawa aduan berkaitan keadaan sampah di sekitar Petaling Jaya semakin meningkat. Sejak bulan Februari 2014, mereka telah menerima lebih daripada 500 aduan.

50. JP-PBT juga dapat mengesahkan daripada para pegawai MBPJ bahawa sampah domestik daripada rumah dikutip sebanyak 3 kali seminggu, manakala sampah di rumah kedai dan pasar dikutip setiap hari. Pihak MBPJ juga menjelaskan bahawa mereka akan mengambil tindakan penambahan dan pemantapan keperluan logistik termasuk pembelian vakum '*suction*'.
51. JP-PBT juga dimaklumkan bahawa prestasi kontraktor sampah diawasi dengan implementasi pengeluaran *Notice to Correct* (NTC) jika mereka gagal menjalankan tugas mengutip sampah. Jika satu kontraktor menerima 6 NTC, kontrak perkhidmatan kontraktor tersebut akan dibatalkan serta-merta.
52. Berkenaan sampah binaan, terdapat kontraktor khas yang mengendalikan kutipan sampah. Mereka dikehendaki untuk mengutip sampah sekali seminggu dan perlu melupuskan sampah tersebut dalam masa 24 jam.
53. Kontraktor mengutip sampah komersil sebanyak 2 kali seminggu. Jadual kutipan ini ditentukan oleh kontraktor sendiri. Pihak MPBJ hanya boleh memberi tekanan kepada para kontraktor dengan penggunaan NTC dan aduan yang diterima.
54. Pihak MBPJ juga menjelaskan bahawa terdapat peningkatan untuk kutipan banner dan bunting di sekitar Petaling Jaya. Sebanyak 490,000 buah banner dan bunting telah berjaya diturunkan dengan melakukan kutipan pada waktu siang dan malam. Terdapat juga kes tangkapan di mana pesalah telah dibawa ke balai polis dan dikenakan bayaran kompaun sehingga RM1000.00.
55. Datuk Bandar selanjutnya menjelaskan bahawa beliau telah ditegur oleh Dato' Menteri Besar bahawa MBPJ perlu memilih kontraktor berdasarkan harga yang paling rendah tetapi perlulah berpatutan. Ini kerana pegawai MBPJ telah memaklumkan bahawa mereka telah melantik satu kontraktor untuk kawasan Desa Mentari yang memberi harga paling rendah tetapi tidak mempunyai sumber-sumber atau peralatan yang mencukupi untuk menjalankan tugas mengutip sampah dengan sempurna.
56. Y.M. Raja Fairuz pula mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menerangkan kepada orang ramai khususnya Ahli-Ahli Majlis apakah strategi dan polisi yang telah ataupun sedang dirancang bagi mengatasi masalah pengurusan sampah.

Saranan Jawatankuasa

57. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula pemilihan tender kontraktor kutipan sampah berdasarkan harga yang terendah.
58. Jawatankuasa juga menyarankan supaya cadangan-cadangan dibawah dapat dipertimbangkan:
- (a) Membekalkan tong sampah di setiap premis perniagaan dan kawasan komersial;

- (b) Menggalakkan penduduk untuk mengasingkan sampah;
- (c) Menambahkan jumlah tong sampah di sekitar kawasan Petaling Jaya; dan
- (d) Mengadakan pertandingan kebersihan di antara kawasan perumahan.

ISU KEMUDAHAN AWAM TIDAK MESRA OKU

Fakta dan Penemuan

- 59. Puan Sia Siew Chin pula telah mengetengahkan isu-isu berkaitan pembangunan bandaraya Petaling Jaya khususnya dalam aspek menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah '*barrier free city*' dan juga '*liveable city*'. Beliau berpendapat masih terdapat halangan-halangan di luar bangunan-bangunan awam. Beliau juga memaklumkan JP-PBT bahawa kontraktor-kontraktor MBPJ yang terlibat di dalam pembinaan infrastruktur-infrastruktur tertentu tidak menetapi piawaian yang ditetapkan.
- 60. Pihak MBPJ telah memaklumkan kepada JP-PBT bahawa mereka mengakui kebanyakan bangunan-bangunan mereka masih tidak menetapi piawaian mesra OKU atau '*barrier free*'.
- 61. Pihak MBPJ menjelaskan bahawa kemudahan awam tidak mesra OKU disebabkan keluasan tapak yang tidak mencukupi atau terhad. Walaupun sebahagian tempat boleh diubah suai untuk menjadi lebih mesra OKU tetapi beberapa kawasan yang tertentu dihalang disebabkan kekangan bangunan.
- 62. Pihak MBPJ akan lihat perkara ini dengan lebih teliti dan melakukan perkara-perkara berikut:
 - (a) Memastikan kakitangan MBPJ mendapat latihan
 - (b) Cuba memperbaiki kelemahan MBPJ dalam penyediaan kemudahan awam yang lebih mesra OKU
 - (c) Memastikan projek-projek swasta juga menyediakan kemudahan awam mesra OKU

Saranan Jawatankuasa

- 63. Jawatankuasa mencadangkan agar satu pelan tindakan dibuat oleh MBPJ untuk mengubah bangunan awam supaya menjadi mesra OKU secara berperingkat selain daripada meningkatkan lagi kemudahan awam mesra OKU.
- 64. Jawatankuasa juga menyarankan supaya pihak MBPJ supaya segala projek infrastruktur awam yang akan dibina pada masa hadapan perlu mesra pejalan kaki atau '*pedestrian friendly*'.

LAIN-LAIN ISU

Fakta dan Penemuan

65. Tuan Mahharul membangkitkan isu pelesenan di mana beliau mendakwa Kerajaan Negeri telah menaikkan bayaran lesen-lesen perniagaan tanpa berbincang terlebih dahulu bersama Ahli-Ahli Majlis.
66. Tuan Oon juga telah memberi maklumbalas kepada JP-PBT mengenai dokumen-dokumen sulit di dalam Mesyuarat Penuh Ahli Majlis/ Mesyuarat Jawatankuasa di mana beliau merasakan hal tersebut menjejaskan ketelusan pentadbiran MBPJ.
67. Ahli-Ahli Majlis juga sedia maklum bahawa pihak Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBT-PBT di Negeri Selangor untuk membekukan pemberian Lesen Hiburan kecuali lesen-lesen bagi kafe siber dan juga pusat karaoke di mana ianya jatuh di bawah kategori hiburan.
68. Tuan Ir. Lee mencadangkan supaya elaun Ahli Majlis dinaikkan berikutan bebanan kerja yang tinggi dan kadar elaun semasa yang agak rendah.
69. Tuan Oon berpendapat dokumen-dokumen berkenaan cadangan pembangunan tidak perlu diklasifikasikan sebagai sulit. Beliau juga mencadangkan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dapat menubuhkan satu unit '*professional managers*' sebagai konsultan dalaman di dalam agensi-agensi berkaitan Kerajaan Negeri bagi memudahkan dan menambahbaik sistem pengurusan dan pentadbiran.

Saranan Jawatankuasa

70. Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mengambil maklum cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Majlis dan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

PENUTUP

71. JP-PBT juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai kerajaan, individu-individu serta badan-badan korporat yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
72. Semoga segala saranan JP-PBT yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan sewajarnya oleh MMKN.
73. Ahli Jawatankuasa PBT yang telah bermesyuarat pada 21 Oktober 2014 telah meluluskan penyata ini. Sekian, terima kasih.

Bertarikh pada **7 November 2014** di Shah Alam.



Y.B.TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD

Pemangku Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT):

- | | |
|--|--------------------|
| 1. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad
(ADN Kawasan Ijok) | Pemangku Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz
(ADN Kawasan Lembah Jaya) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Hj.Hasnul bin Hj.Baharuddin
(ADN Kawasan Morib) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Ng Tien Chee
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| 6. Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan
(ADN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |

AHLI-AHLI MAJLIS MBPJ

Ahli-ahli Majlis MBPJ yang hadir dan telah memberikan taklimat pada sesi Lawatan Jawatankuasa Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) ke MBPJ pada 21 Mac 2014 yang lalu adalah seperti berikut:

1. Tuan Teh Chi Chang
2. Tuan Ir. Lee Suet Sen
3. Tuan Azizi Bin Arifin
4. Tuan Azri bin Mohamad Arish.
5. Tuan Oon Chong Ling
6. Y.M. Raja Fairuz Binti Raja Mazlan
7. Tuan Dr. Streram a/l Sinnasamy
8. Puan Sia Siew Chin
9. Tuan Mahharul bin Ismail

URUS SETIA

1. Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
2. Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
3. Encik Jurasmadi Bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
4. Puan Siti Salina bint Muftar
Setiausaha Pejabat
5. Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
6. Encik Muhammad Khairil bin Khalid
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker